

14 APR 2000

PTP-MITSUI OSK

MITSUI OSK LINES JADI PELANGGAN UTAMA PERTAMA PTP

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mendapat pengendali syarikat perkapalan utama pertamanya, Mitsui O.S.K. Lines (MOL), yang akan memulakan perkhidmatan mingguan secara tetap dari pelabuhan tersebut.

PTP mengumumkan dalam satu kenyataan di sini hari ini bahawa perkhidmatan 'Straits Express' akan bermula pada 30 April 2000 di PTP dengan kapal MV Med Taichung membuat persinggahan pertama.

Perkhidmatan mingguan Jepun/Hong Kong/Selat MOL ini merangkumi pusingan Tokyo ke Yokohama, Nagoya, Kobe, Hong Kong, Singapura, Pelabuhan Klang dan kemudian PTP.

Selain MV Med Taichung, kapal-kapal MOL bagi perkhidmatan ini ialah Mare Africum dan Houston.

Persinggahan MOL di PTP juga menandakan satu langkah penting dalam mewujudkan kekerapan dan penghubungan yang luas ke destinasi-destinasi utama dari PTP.

MOL pula merasa yakin bahawa kedudukan strategik PTP, kemudahan dan sistem yang canggih serta prosedur pemeriksaan yang mudah bererti penjimatan yang banyak dari segi masa dan kos.

Bagi PTP, persinggahan ini menandakan bermulanya rangkaian persinggahan perantara dan terus.

MOL dan PTP menganggap perkhidmatan ini sebagai permulaan kepada satu hubungan jangka panjang yang menguntungkan kedua-dua pihak. PTP juga sedang dalam peringkat akhir rundingan dengan pengusaha-pengusaha perkapalan utama lain untuk singgah di PTP.

PTP, pelabuhan terbaru Malaysia, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Mac 2000.

-- BERNAMA

MR KY MA